

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

KKM kaji keberkesanan vaksin melalui semburan

**Bagan Serai:** Kerajaan akan mengkaji secara menyeluruh vaksin NawsionVacc dibangunkan doktor dari India, Dr Alfred John Prem Raj yang dikatakan mampu menghilangkan gejala COVID-19 melalui kaedah semburan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan melakukan kajian terperinci sebelum ia boleh dilaksanakan di negara ini.

"Kita ada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Farmasi dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) yang akan mengkaji sebarang teknik atau kaedah rawatan berkaitan COVID-19.

"Justeru, sebarang keputusan sama ada membawa masuk atau membuat vaksin itu akan melalui kajian rapi terlebih dahulu.

"Selain program vaksinasi, kerajaan juga telah membeli ubat antivirus Paxlovid yang terbaru dan berkesan sehingga dapat mengurangkan kes hospital sebanyak 80 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abu Bakar Al Baqir, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Azmi memaklumkan, KKM tidak berhasrat melanjutkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang dijadualkan berakhir hujung bulan ini.

Beliau menjelaskan, KKM sudah memberi masa mencukupi kepada ibu bapa untuk membawa anak mendapatkan vaksinasi secara percuma.

"Jika selepas itu ada ibu bapa mahu mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 untuk anak, mereka perlu ke klinik swasta dengan bayaran tertentu.

"Setakat ini, kita tidak berhasrat untuk buat (lanjutan). Tempoh yang sepatutnya berakhir pada 15 Mei lalu telah dilanjutkan hingga 31 Mei ini. Ia bagi memberi peluang ibu bapa membawa anak mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, angka harian kanak-kanak menerima vaksin itu meningkat selepas Aidilfitri membabitkan 1,981 orang pada 16 Mei, 17 Mei (2,798), 18 Mei (2,806), 19 Mei (3,747) dan kelmarin (7,137).

Katanya, Sarawak mendahului dengan peratusan tertinggi, iaitu 87.4 peratus kanak-kanak telah mengambil suntikan vaksin, diikuti Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Labuan.

# Remaja bakal tunai haji disyor ambil dos penggalak

## Langkah tambahan kurangkan risiko jangkitan COVID-19

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan semua bakal jemaah haji membatik remaja berumur 12 hingga bawah 18 tahun, supaya mengambil dos penggalak vaksin COVID-19 sebagai langkah tambahan sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ia bertujuan

mengurangkan risiko jangkitan COVID-19, dengan mengambil kira perhimpunan ramai serta membabitkan jemaah haji dari seluruh dunia.

Beliau berkata, KKM sebelum ini menyarankan semua bakal jemaah haji terutama individu berusia 60 tahun dan ke atas serta dewasa berumur 18 hingga 59 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk, agar mendapatkan dos penggalak kedua sebelum berangkat ke Tanah Suci.

"KKM kini menyarankan semua bakal jemaah haji membabitkan remaja berumur 12 hingga bawah 18 tahun supaya mengambil dos penggalak vaksin COVID-19.

"Syaratnya ialah bakal je-

maah terbabit sekurang-kurangnya telah menerima dos primer yang kedua dalam tempoh lima bulan.

"Bagi remaja yang lengkap mengambil dos primer dan didapati mengalami jangkitan COVID-19, mereka layak menerima dos penggalak sebaik saja pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khairy berkata, vaksin COVID-19 boleh diberikan dalam masa dua minggu sebelum atau selepas vaksin lain diberikan.

"Saranan ini diberi kerana bakal jemaah haji juga perlu mengambil suntikan lain seperti meningococcal, influenza atau pneumococcal.

"Justeru, dos penggalak vaksin COVID-19 boleh diberikan dalam masa dua minggu sebelum atau selepas suntikan vaksin lain.

"Bakal jemaah haji itu boleh mendapatkan dos penggalak dengan hadir secara terus tanpa janji temu di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang masih beroperasi, dengan membawa dokumen sokongan berkaitan seperti bukti surat tawaran menunaikan haji," katanya.

Tahun ini, Kerajaan Arab Saudi membenarkan pelaksanaan ibadah haji kepada sejuta jemaah dari seluruh dunia, selepas dua tahun ia ditangguhkan akibat pandemik COVID-19.

Seperti negara lain, kuota haji ditawarkan kepada Malaysia tahun ini dihadkan kepada hanya 45 peratus daripada kuota pada 2019, iaitu 14,306 jemaah berbanding 31,600 orang.



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

## Tak hasrat lanjut PICKKids

**Bagan Serai:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berhasrat melanjutkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) yang dijadualkan berakhir hujung bulan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, KKM sudah memberi masa yang cukup kepada ibu bapa untuk membawa anak mereka mendapatkan vaksinasi secara percuma.

Beliau berkata, sekiranya selepas ini ibu bapa mahu mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 bagi anak, mereka perlu ke klinik swasta dengan bayaran tertentu.

"Setakat ini kita tidak berhasrat untuk buat (lanjutan). Tempoh sepatutnya berakhir pada 15 Mei lalu dilanjutkan hingga 31 Mei ini, adalah disebabkan memberi peluang kepada ibu bapa untuk membawa anak mereka mendapatkan suntikan vaksinasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agong Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abu Bakar Al-Baqir di sini, semalam.

Dr Noor Azmi berkata, jumlah harian kanak-kanak yang mengambil vaksin menunjukkan peningkatan selepas Aidilfitri mulai 17 Mei lalu iaitu 1,981 orang pada 16 Mei, 17 Mei (2,798), 18 Mei (2,806), 19 Mei (3,747) dan semalam 7,137 orang. - Bernama

## BAKAL JEMAAH HAJI REMAJA 12 HINGGA 18 TAHUN DISYOR AMBIL DOS PENGGALAK

**Kuala Lumpur**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan semua bakal jemaah haji remaja berumur 12 hingga 18 tahun untuk mengambil dos penggalak vaksin Covid-19 sebagai langkah tambahan sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, syarat yang ditetapkan KKM bagi jemaah haji remaja mengambil dos penggalak Covid-19 ialah sekurang-kurangnya lima bulan selepas menerima dos kedua vaksin dos primer.

"Bagi remaja yang lengkap mengambil dos primer dan didapati mengalami jangkitan Covid-19 mereka layak menerima dos penggalak sebaik sahaja pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khairy berkata, memandangkan jemaah haji juga perlu mengambil suntikan vaksin lain seperti meningococcal, influenza atau pneumococcal, pemberian dos penggalak vaksin Covid-19 itu boleh diberikan dalam sela masa dua minggu sebelum dan selepas vaksin lain diberikan.

Katanya, jemaah haji boleh mendapatkan dos peng-

galak dengan hadir secara terus tanpa janji temu (*walk-in*) di pusat pemberian vaksin (PPV) yang masih beroperasi dengan membawa dokumen sokongan berkaitan seperti bukti surat tawaran menunaikan haji.

Menurut Khairy, sebelum ini KKM menyarankan semua bakal jemaah haji yang berusia 60 tahun dan ke atas serta jemaah berusia 18 hingga 59 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk untuk mendapatkan dos penggalak kedua sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mengurang-

kan risiko jangkitan Covid-19 dalam kalangan jemaah haji semasa di Tanah Suci dengan mengambil kira perhimpunan yang ramai serta membabitkan jemaah haji seluruh dunia.

Khairy berkata, sebagai langkah pencegahan dan kawalan, kerajaan Arab Saudi sudah menetapkan semua jemaah haji perlu mendapatkan vaksinasi lengkap sebelum berlepas selain turut mengesyorkan pengambilan dos penggalak bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 terutama di tempat sesak dan juga di dalam pengangkutan awam di negara tersebut.

## 1,099,250 lengkap vaksin

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 1,099,250 atau 31 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini sudah lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Menurut laman sesawang COVIDNOW, sebanyak 1,665,098 kanak-kanak atau 46.9 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,908,320 atau 93.5 peratus lengkap menerima vaksinasi manakala 3,005,192 atau 96.6 peratus daripada kumpulan sama sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, sejumlah 16,077,473 atau 68.3 peratus golongan dewasa sudah menerima dos penggalak manakala 22,972,457 atau 97.6 peratus sudah mengambil dua dos dan 23,248,351 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 20,998 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin membabitkan 7,695 dos pertama, 11,286 dos kedua dan 2,017 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,762,530.



### Jaga keselamatan diri

**ORANG** ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 dengan memakai pelitup muka ketika berada di kawasan awam di Jalan Sultan Ismail di ibu kota.

## Penurunan jumlah kes harian melegakan

(KKM) melaporkan sebanyak 2,063 kes harian baharu Covid-19. Malaysia mencatat kes harian terendah untuk 2022 sebanyak 922 pada 3 Mei.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dipetik media tempatan 'mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana mengamalkan tingkah laku yang baik dalam fasa peralihan ke endemik'.

Menurut beliau, ini mem-

buktikan bahawa rakyat negara ini mempunyai kemampuan untuk menjayakan fasa peralihan ke endemik ini dan masih patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang penularan Covid-19.

Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022 sebagai *exit strategy* untuk membolehkan rakyat negara ini kembali semula kepada kehidupan

yang hampir normal selepas dua tahun berperang dengan Covid-19.

Perlu disebut, untuk bulan Mei 2022 setakat ini (1 Mei -20 Mei), hanya satu kluster baharu dilaporkan iaitu pada 11 Mei membabitkan kluster pusat tahanan di Serian, Sarawak (Kluster Dti Semuja 4).

Dengan 2,063 kes harian baharu, kes kumulatif Covid-19 Malaysia meningkat kepada 4,487,482.

Sebanyak 2,618 kes sembah Covid-19 dilaporkan untuk 20 Mei, menjadikan kes aktif Covid-19 menurun sedikit kepada 29,229. Kes kumulatif sembuh setakat pukul 11:59 malam 20 Mei 2022 adalah sebanyak 4,422,615.

Berikut kes harian baharu Covid-19 sepanjang tempoh rangkuman mingguan (14 Mei hingga 20 Mei 2022): 14 Mei (2,373), 15 Mei (2,239), 16 Mei (1,697), 17 Mei (1,469), 18 Mei (2,017), 19 Mei (2,124)

dan 20 Mei (2,063).

Dengan 4,487,482 kes kumulatif, Malaysia kini di tangga 23 daripada 227 negara/wilayah yang dilanda Covid-19. Di hadapan Malaysia ialah Ukraine (5,009,301) dan Mexico (5,752,441).

Dalam kalangan 227 buah negara, mengikut data terkini Worldometer, Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) mencatat kes harian baharu tertinggi kelmarin sebanyak 263,380 kes, diikuti Amerika Syarikat 98,174 kes dan Taiwan 85,761 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

## Ada lagi tadika bakal tutup selepas 42 henti operasi akibat HFMD

**Larut:** Dijangka lebih banyak tadika di Perak ditutup susulan peningkatan kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) sehingga Minggu Epide ke-19 tahun ini yang berakhir pada 14 Mei lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Mohd Akmal Kamarudin berkata sehing-

ga semalam, sebanyak 42 tadika ditutup susulan wabak itu.

Menurutnya, ada tadika yang ditutup minggu lalu dan terdapat juga yang ditutup secara sukarela secara berperingkat.

"Minggu lalu kenaikan 10 peratus kes dicatatkan manakala pada minggu ini kenaikan 15 peratus dari biasa.

"Semua tadika ini akan ditutup sementara sehingga kes selesai dan kita nasihatkan semua pihak berhati-hati serta mengikut nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung peneral HFMD," katanya pada sambutan Hari Raya Aidilfitri

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin bersama Perikatan Nasional Larut di Dewan Majlis Daerah Selama di sini, semalam.

Menurut Mohd Akmal, penutupan itu dibuat secara sukarela dan arahan me-

ngikut Akta Pencegahan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan daerah Kinta mencatatkan penutupan tadika tertinggi iaitu 20 dan diikuti daerah Perak Tengah sebanyak enam.

Kelmarin Mohd Akmal dalam laman sosialnya mendedahkan jumlah kes HFMD secara keseluruhan adalah 2,638 kes, berbanding hanya 159 kes bagi tempoh yang

sama tahun 2021 sekali gus menunjukkan peningkatan kes sebanyak 15.6 kali ganda.

Daripada jumlah itu, kes tertinggi dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun dan ke bawah iaitu 2,465 kes, diikuti 150 kes dalam kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun dan 23 kes yang berumur melebihi 12 tahun.

Semua tadika ditutup sementara sehingga kes selesai

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

## KKM kaji kaedah baru rawat Covid-19

**Bagan Serai:** Sebarang dapatan baru mengenai rawatan Covid-19 akan dikaji secara menyeluruh sebelum dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) akan menjalankan kajian terhadap sebarang kaedah atau teknik rawatan baharu Covid-19.

"Justeru, sebarang keputusan sama ada untuk membawa masuk atau membuat vaksin akan melalui kajian yang rapi sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agong Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abu Bakar Al-Baqir di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan vaksin NawsomVacc yang dibangun-

kan doktor dari India, Dr Alfred John Prem Raj yang dikatakan boleh menghilangkan simptom Covid-19 dalam tempoh 20 saat.

Dr Noor Azmi berkata, selain program vaksinasi, kerajaan juga sudah membeli ubat antivirus Paxlovid dan ia cukup berkesan mengubati Covid-19 dan mengurangkan kes di hospital.

Sementara itu dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang melanjutkan tempoh vaksinasi untuk kanak-ka-

nak di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang akan berakhir pada hujung Mei ini.

"KKM sudah memberi masa cukup kepada ibu bapa untuk membawa anak mereka mendapatkan vaksinasi percuma, jika selepas ini mereka berhasrat mendapatkan suntikan vaksin, mereka perlu ke klinik swasta.

"Tempoh yang sepatutnya berakhir pada 15 Mei lalu dilanjutkan hingga 31 Mei ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sebagai langkah tambahan sebelum berangkat ke Tanah Suci

KUALA LUMPUR

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan semua bakal jemaah haji remaja berumur 12 hingga 18 tahun untuk mengambil dos penggalak vaksin Covid-19 sebagai langkah tambahan sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, syarat yang ditetapkan KKM bagi jemaah haji remaja mengambil dos penggalak Covid-19 ialah sekurang-kurangnya lima bulan selepas menerima dos kedua vaksin dos primer.

"Bagi remaja yang telah lengkap mengambil dos primer dan didapati mengalami jangkitan Covid-19 mereka layak menerima dos penggalak sebaik sahaja pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Khairy berkata, memandangkan jemaah haji juga perlu mengambil suntikan vaksin lain seperti meningococcal, influenza atau

pneumococcal, pemberian dos penggalak vaksin Covid-19 itu boleh diberikan dalam sela masa dua minggu sebelum dan selepas vaksin lain diberikan.

Katanya, jemaah haji boleh mendapatkan dos penggalak dengan hadir secara terus tanpa janji temu di pusat pemberian vaksin (PPV) yang masih beroperasi dengan membawa dokumen sokongan berkaitan seperti bukti surat tawaran menunaikan haji.

Menurut Khairy, sebelum ini KKM menyarankan semua bakal jemaah haji yang berusia 60 tahun dan ke atas serta jemaah berusia 18 hingga 59 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk untuk mendapatkan dos penggalak kedua sebelum ber-



KHAIRY

angkat ke Tanah Suci.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 dalam kalangan jemaah haji semasa berada di Tanah Suci dengan mengambil kira perhimpunan yang ramai serta melibatkan jemaah haji seluruh dunia.

Khairy berkata, sebagai langkah pencegahan dan kawalan, kerajaan Arab Saudi telah menetapkan bahawa semua jemaah haji perlu mendapatkan vaksinasi lengkap sebelum berlepas selain turut mengesyorkan pengambilan dos penggalak bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 terutamanya di tempat sesak dan juga dalam pengangkutan awam di negara tersebut. - Bernama

## Jemaah haji remaja disaran ambil dos penggalak

**BAKAL JEMA'AH HAJI DISARAN AMBIL DOS PENGGALAK COVID-19**

Sebagai perlindungan optimum bagi yang akan berangkat ke Tanah Suci, KKM menyarankan jemaah haji mengambil dos penggalak COVID-19.

Subjek penggalakan optimum bagi yang akan berangkat ke Tanah Suci, KKM menyarankan jemaah haji mengambil dos penggalak COVID-19.

Subjek penggalakan optimum bagi yang akan berangkat ke Tanah Suci, KKM menyarankan jemaah haji mengambil dos penggalak COVID-19.

Subjek penggalakan optimum bagi yang akan berangkat ke Tanah Suci, KKM menyarankan jemaah haji mengambil dos penggalak COVID-19.

**UBAT PAXLOVID DISEDIAKAN**

Ubat ini adalah ubat antiviral yang digunakan untuk merawat jangkitan COVID-19. Ubat ini boleh digunakan oleh orang dewasa dan remaja yang mengalami jangkitan COVID-19.

Ubat ini boleh digunakan oleh orang dewasa dan remaja yang mengalami jangkitan COVID-19.

Ubat ini boleh digunakan oleh orang dewasa dan remaja yang mengalami jangkitan COVID-19.

Ubat ini boleh digunakan oleh orang dewasa dan remaja yang mengalami jangkitan COVID-19.

### Kes harian baharu susut pada minggu ketiga raya

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 13,982 kes harian baharu Covid-19 dilaporkan sepanjang seminggu lepas (14 Mei hingga 20 Mei), menyusut berbanding 18,136 kes sepanjang tempoh sama (7 Mei - 13 Mei).

Penurunan ini sudah tentu melegakan berikutan kes harian baharu yang dikesan meningkat sepanjang minggu pertama Hari Raya Aidilfitri, bermula 4 Mei (1,054 kes) sehingga angka tertinggi 3,410 kes pada 12 Mei 2022.

Pada Jumaat, Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan 2,063 kes harian baharu Covid-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dipetik media tempatan mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana mengamalkan tingkah laku baik dalam fasa peralihan ke endemik.

Menurut beliau, ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai kemampuan untuk menjayakan fasa peralihan ke endemik ini dan masih patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang penularan Covid-19.

Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022 sebagai exit strategy untuk membolehkan rakyat negara ini kembali semula kepada kehidupan normal selepas dua tahun berperang dengan Covid-19.

### KKM laksana tindakan cegah penularan cacar monyet di Malaysia

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memantau perkembangan situasi penularan wabak cacar monyet dengan melakukan pemantauan kes disyaki monkeypox di semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dan melalui laporan yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengembara yang tiba di negara ini dari kawasan terdapat jangkitan cacar monyet juga perlu mengambil langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, jika mereka mengalami gejala penyakit ini dalam tempoh tiga minggu selepas meninggalkan kawasan tersebut, mereka dinasihatkan supaya segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Mereka perlu maklumkan kepada doktor mengenai sejarah perjalanan tersebut dan mengelakkan daripada kontak langsung dengan individu lain. Selain itu, mereka perlu lakukan pengasingan diri selama sekurang-kurangnya 21 hari bagi memastikan ruam makulopapular kering sepenuhnya.

"KKM ingin menasihati pengembara ke kawasan-kawasan terdapat kejadian cacar monyet di Afrika Tengah dan Afrika Barat dan juga negara-negara yang sedang mengalami wabak penyakit ini untuk mengambil langkah

berjaga-jaga.

"Mereka perlu mengekalkan kebersihan diri yang tinggi, termasuk mencuci tangan dengan kerap selepas pergi ke tandas atau apabila tangan kotor dan mengelakkan daripada sentuhan langsung dengan luka pada mereka yang dijangkiti, sama ada manusia mahupun haiwan, serta objek mungkin tercemar dengan cecair tubuh kes.

"Selain itu, mereka perlu mengelakkan daripada bersentuhan dengan haiwan liar atau memakan dagingnya," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham menjelaskan, kemungkinan transmisi jangkitan dari manusia ke manusia adalah

terhad.

"Risiko virus ini tersebar ke Malaysia adalah rendah, kecuali sekiranya terdapat sejarah bersentuhan dengan haiwan yang dijangkiti ataupun kontak langsung dengan pesakit dijangkiti," katanya.

Bagaimanapun, KKM telah menyediakan Soalan Lazim (Frequently Ask Questions - FAQ) mengenai jangkitan cacar monyet bagi menjelaskan lagi mengenai penyakit ini yang boleh dimuat turun dari laman Facebook CPRC Kebangsaan di <https://www.facebook.com/187891761403516/posts/1891643347695007/>.

"Pada masa ini, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) mempunyai kapasiti untuk menjalankan ujian pengesanan virus penyebab cacar monyet dalam kalangan manusia.

"Makmal Kesihatan Awam Veterinar serta makmal Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) juga mempunyai kemampuan makmal untuk menjalankan pengujian mengesan orthopoxvirus dalam kalangan haiwan.

"KKM sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Perhilitan untuk memantau kejadian cacar monyet dalam kalangan haiwan liar termasuk yang diimport dari Afrika dan Benua Eropah," ujar beliau.



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : RENCANA

# HFMD: Endemik bukan pandemik

**P**ENYAKIT HFMD (*hand, foot, mouth disease*) adalah penyakit berjangkit, endemik di Malaysia yang kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak di bawah 5 tahun, berbanding remaja dan dewasa. Penyakit tangan, kaki, dan mulut ini biasanya ringan, dan disebabkan jangkitan beberapa jenis virus iaitu virus *Enterovirus 71 (EV-71)* dan *Coxsackievirus*.

Virus ini memasuki badan melalui sentuhan langsung ulser pesakit, melalui udara apabila terdedah titisan air liur pengidap (apabila pengidap batuk, bersin atau meleleh air liur), dan jangkitan melalui najis pengidap. Virus boleh dikeluarkan melalui najis selama beberapa minggu.

Sesuatu kawasan dikira sebagai berlakunya wabak apabila terdapat sekurang-kurangnya dua kes atau lebih di dalam sesuatu lokaliti.

Ada yang bertanya adakah HFMD ini daripada endemik boleh bertukar menjadi pandemik? Jawabnya, pandemik adalah wabak seluruh dunia. Penularan melalui udara adalah mekanisme utama dan terlalu mudah untuk dijangkiti. Kriteria ini tidak ada pada virus HFMD. Jadi ia tidak akan menjadi satu pandemik.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri

Dr. Noor Hisham Abdullah memaklumkan kes HFMD meningkat 15 kali ganda dengan 31,661 kes dilaporkan setakat Mei berbanding tempoh sama tahun lalu.

Selangor merekodkan angka tertinggi sehingga Khamis lalu dengan 8,864 kes diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing 4,421 kes, Sabah (2,650), Perak (2,638) dan Kelantan (2,493).

## TANDA JANGKITAN

HFMD boleh mengakibatkan tanda seperti ulser dikelilingi dan dalam mulut, ruam di kaki, tapak kaki, punggung dan tangan. Kebiasaannya tanda akan hilang dalam 5 hingga 7 hari selepas mula terjangkit. Tanda awal adalah seperti demam selera, sakit kepala, hilang selera makan dan sakit tekak. Kemudian dalam masa dua hari, pesakit akan mengeluarkan ulser yang sakit di tekak, langit (*palate*) dan di tonsil. Ia turut dipanggil 'herpangina' jika disebabkan virus *Coxsackie* di mulut dan tidak melibatkan kulit.

Penyakit HFMD akan mengakibatkan ruam kemerahan yang timbul di tapak tangan, tapak kaki dan kawasan punggung kanak-kanak dan ruam ini biasanya tidak gatal tetapi sakit. Mata pengidap boleh kemerahan dan kadang kala cirit birit boleh berlaku. Kulit



**MURID-MURID perlu membasuh tangan sebelum memasuki kelas ketika peningkatan kes HFMD yang banyak berlaku di di taska dan pusat jagaan harian di seluruh negara. - MINGGUAN/ FARIZ RUSADIO**

yang terkena ruam, mungkin akan mengelupas tetapi ini biasanya tidak mengakibatkan apa-apa kesan teruk. Kelenjar limfa leher boleh turut bengkak dan sakit, semasa serangan mulut berlaku.

Orang dewasa boleh terjangkit virus HFMD ini tetapi risiko ini rendah. Kadangkala jangkitan boleh terjadi tanpa apa-apa simptom. Mereka yang berisiko tinggi adalah warga emas, yang sistem imun lemah dan wanita mengandung. Jangkitan dalam kalangan wanita mengandung boleh mengakibatkan kematian bayi dan keguguran dalam kandungan walaupun kadar ini rendah.

## RAWATAN HFMD

Oleh kerana ia jangkitan virus, rawatan antibiotik adalah tidak diperlukan. Prognosis jangkitan selalu adalah baik dan pulih sepenuhnya dalam 7 hingga 21 hari. Bagaimanapun, ubat demam seperti sirap Panadol dan tahan sakit boleh memberi keselesaan kepada anak-anak dan preskripsi adalah menurut beban sakit dan berat kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak digalakkan minum air banyak dan makanan yang lembut. Teruskan penyusuan ibu atau penyusuan biasa, jika kanak-kanak masih menyusu. Masa kritikal adalah jika kanak-kanak mengalami demam tinggi (>38 darjah Celsius) yang lama, sukar menurunkan suhu demam panas, jika sawan akibat demam tinggi, dehidrasi contoh seperti tiada air mata apabila menangis, kurang zat kerana hilang selera makan dan jika tidak mengeluarkan kencing lebih dari 4 hingga 6 jam. Ini masa penting untuk mendapatkan rawatan segera di klinik. Kecemasan juga adalah jika anak anda pengan, tidak keruan dan masih tidak sihat walaupun sudah beberapa hari di rumah akibat HFMD.

Sungguhpun jangkitan HFMD kebiasaannya ringan, ia masih boleh menyebabkan komplikasi terjadi dan jangkitan ke otak, paru-paru dan jantung masih boleh terjadi dan mengakibatkan kematian. Kadar kematian HFMD secara umum, adalah rendah iaitu sekitar 0.06% hingga 0.11% (kajian dari Amerika). Masih belum wujud

vaksin khas untuk HFMD ini, dan penyakit mudah berjangkit dalam minggu awal jangkitan.

## PENCEGAHAN HFMD

Oleh kerana HFMD ini mudah menjangkit, dan masa awal jangkitan akan menyerupai seolah jangkitan lain seperti denggi, Covid-19, Campak dan Rubella, maka mengelakkan jangkitan adalah sangat penting. Basuh tangan kerap dengan sabun dan air, atau menggunakan *sanitizer* tangan jika memegang anak anda. Ajar anak membasuh tangan dengan kerap. Jangan berkongsi bekas air, berus gigi, pengetip kuku, perkakas makan yang sama dan tuala badan. Pastikan anak bersin ke tisu atau tuala dan kemudian ducuci bersih atau dibuang dengan selamat.

Kajian pada 2015 oleh Ventarola menunjukkan kadar jangkitan dalam kalangan ahli rumah yang sama, adalah tinggi hingga mencapai 52 hingga 84%.

Elakkan anak dari bercampur gaul di luar rumah dan elakkan dari pergi ke tadika dan sekolah pada masa ini, kerana virus itu masih boleh berada di dalam badan. Kanak-kanak hanya boleh ke sekolah apabila ruam sudah hilang dan anak sudah tidak lagi mengalami demam. Pencarian kes-kes lain dan kontek mereka, juga boleh dilakukan di kawasan tadika atau sekolah dan mereka yang dikesan mempunyai simptom boleh dirujuk untuk tindakan lanjut di klinik terdekat.

Tadika atau sekolah terkesan patut ditutup sementara untuk 10 hari. Guru-guru atau pengurusan tadika dan sekolah boleh diajar cara mengesan kes lain yang turut bermasalah, dan meletak kes ke isolasi sementara sebelum dirujuk jika perlu.

Untuk mengelakkan kekeliruan bawalah anak ke klinik jika demam panas untuk kepastian. Pencegahan adalah penting supaya wabak ini tidak merebak lebih luas lagi. Pengesanan virus boleh dilakukan melalui ujian *swab* tekak atau najis kanak-kanak terinfeksi.

PENULIS ialah Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

HAJ

# 'TEEN PILGRIMS SHOULD GET BOOSTER'

Get it 5 months after second dose to reduce infection risks, says Khairy

KUALA LUMPUR

**T**HE Health Ministry recommends that prospective haj pilgrims aged 12 to 17 get a booster shot before leaving for the Holy Land. Health Minister Khairy Jamaluddin said teenagers should get a booster shot at least five months after receiving the second dose of the Covid-19 vaccine. "Teenagers who have completed their primary doses and are found to be infected by the coronavirus are eligible to receive a booster dose only when they have fully recovered," he said in a

statement yesterday. Khairy said since pilgrims had to take meningococcal, influenza or pneumococcal vaccines as well, the booster shot could be taken two weeks before or after receiving the other vaccines.

He said pilgrims could get a booster dose without an appointment at vaccination centres by bringing supporting documents, such as the offer letter to perform the haj.

Khairy said the ministry had advised prospective pilgrims aged 60 and above, as well as those aged 18 to 59 who are at clinical risk of contracting severe illness, to get a second booster shot before leaving for the Holy Land.

He said this was needed to re-

duce the risk of contracting Covid-19, taking into account the large gathering of travellers from all over the world.

He said the Saudi government had stipulated that all pilgrims should complete vaccination prior to departure. It also recommended that pilgrims get a booster dose to reduce the risk of Covid-19 infection in congested places and on public transport.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Senator Datuk Idris Ahmad said those who had received offer letters from Tabung Haji (TH) to perform the haj but were not able to proceed as they failed the health screening should accept the decision.

He said the screening was a condition set by the Saudi government and not by TH.

"TH did not set the condition. We have to abide by the stipulations set (by Saudi Arabia), and it is good to avoid health problems, such as Covid-19. The weather there during the haj season is also quite hot," he said after opening the Rehlah Till Jannah Programme Series 1/2022 at Darul Barakah Village, Marang, Terengganu, yesterday.

He said TH had issued the second round of offers to Malaysians eligible to perform the haj in the 2022 season.

He added that more than 1,000 people had rejected the offer in the first round due to various fac-

tors, including health issues.

This year, only those aged 65 and below with no chronic illnesses and in possession of a Covid-19 vaccination certificate are eligible to perform the haj. They are also required to submit a negative Covid-19 PCR test result 72 hours before departure.

On the Thomas Foods International Lobethal slaughterhouse in Australia, which allegedly did not comply with Malaysian halal standards and procedures, he said he was awaiting official information on the matter.

However, he said, the slaughtering approval granted by Malaysia to the company had been suspended with immediate effect. **Bernama**



Khairy Jamaluddin



Datuk Idris Ahmad

PICKIDS

## 1,099,250 children fully vaccinated against Covid

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,099,250 children aged 5 to 11, or 31 per cent of those in the age group, have completed the vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

According to the Health Ministry's CovidNow portal, 1,665,098 children, or 46.9 per cent, have received at least one dose of the Covid-19 vaccine.

A total of 2,908,320 children aged 12 to 17 — 93.5 per cent of the age group — have completed the Covid-19 vaccination, and 3,005,192 individuals, or 96.6 per cent, have received at least one dose of the vaccine.

With regard to the adult population, 68.3 per cent, or 16,077,473 individuals, have received the booster dose, 22,972,457 individuals, or 97.6 per cent, have received two doses of the Covid-19 vaccine, and 23,248,351 individuals, or 98.8 per cent, have received at least one dose of the vaccine.

On Friday, 20,998 doses of the Covid-19 vaccine were administered, 7,695 of which were the first dose, 11,286 the second dose and 2,017 the booster dose, bringing the cumulative doses administered under the Covid-19 National Immunisation Programme to 70,762,530.

According to the Health Ministry's GitHub portal, five deaths due to Covid-19 were recorded in the country on Friday, with two in Johor and one each in Perak, Penang and Selangor.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the ministry had no plans to extend PICKids, which is scheduled to end on May 31.

He said the ministry had given enough time to parents to get their children vaccinated for free and after this, the vaccination would be available for a fee at private facilities.

"So far, we have no plan to extend the programme. It was supposed to end on May 15, but has



A boy receiving a dose of the Covid-19 vaccine at the Seberang Jaya Expo Site Vaccination Centre in Seberang Jaya, Penang, on Tuesday. PIC BY DANIAL SAAD

been extended to May 31 because we want parents to get their children vaccinated," he said after opening SMK Abu Bakar Al Baqir's parent-teacher association annual general meeting in Bagan Serai, Perak, yesterday.

Dr Noor Azmi said the number of children receiving the Covid-19 vaccine in a day increased after Hari Raya Aidilfitri; 1,981 children on May 16, 2,798 on May 17, 2,806 on May 18, 3,747 on May 19 and 7,137 on Friday.

He said Sarawak had the highest percentage of children vaccinated against Covid-19 at 87.4 per cent, followed by Kuala Lumpur, Johor, Negri Sembilan, Penang and Labuan. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

# PICKids won't be extended beyond May 31



**Easy does it:**  
A child getting her vaccination at a clinic in Jalan Cheras, Balakong.  
— SHAARI CHEMAT/The Star

**BAGAN SERAI:** The Health Ministry does not plan to extend the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids), which is scheduled to end on May 31.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the ministry had given enough time to parents to bring their children to be vaccinated for free and after this, the jabs would be available for a fee at private facilities.

"So far, we have no plan to extend. It was supposed to end on May 15 but was extended to May 31 because we wanted parents to get

their children vaccinated," he told reporters after opening the Parent-Teacher Association annual general meeting at SMK Abu Bakar Al Baqir here yesterday.

Dr Noor Azmi said the daily number of children receiving the vaccine showed an increase after Hari Raya, namely 1,981 people on May 16, May 17 (2,798), May 18 (2,806), May 19 (3,747) and Friday (7,137).

He said Sarawak recorded the highest percentage of children who had been vaccinated at 87.4%, followed by Kuala Lumpur, Johor, Negri Sembilan, Penang and Labuan. — Bernama